

Headline	Rafizi perlu lebih bertanggungjawab		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	01 Mar 2016	Color	Black/white
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	13	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	122 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,590
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,769



Rafizi perlu lebih bertanggungjawab

KUALA LUMPUR 29 Feb. - Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa) mengingatkan Ahli Parlimen Pandan, Rafizi Ramli supaya tidak terlalu 'teruja' untuk mendedahkan maklumat yang diperoleh kerana perbuatan itu boleh menimbulkan kekeliruan dalam kalangan rakyat.

Sebaliknya, Naib Presiden PKR itu disarankan menyiasat terlebih dahulu kesahihan maklumat yang diperoleh sebelum menguar-uarkannya kepada media dan juga orang ramai.

Presidennya, Datuk Ibrahim Ali berkata, beliau tidak pasti sama ada Rafizi teruja membuat pendedahan itu semata-mata untuk kepentingan karier politik

beliau atau populariti tetapi menyifatkannya sebagai perbuatan 'tidak sabar'.

Kata Ibrahim, beliau bukan mempersoalkan tindakan Rafizi tetapi bimbang pendedahan yang dibuat itu tidak tepat, sehingga menimbulkan kekeliruan kepada rakyat yang tidak tahu situasi sebetulnya.

"Saya berharap orang cerdik seperti Rafizi yang mempunyai latar belakang perakaunan lebih bersifat bertanggungjawab. Beliau harus memastikan maklumat yang diterima 101 peratus tepat.

"Selain itu, adalah lebih baik bagi Rafizi buat laporan jenayah kolar putih kepada pihak polis terlebih dahulu atau Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malay-

sia (SPRM). Tidak perlu beliau heboh-heboh pada media.

"Kesannya kepada rakyat, masyarakat. Buat apa kita letak 'beban' kepada rakyat yang tidak tahu apa-apa menerusi pendedahan yang belum tentu tepat, lebih baik lapor pada pihak berkuasa," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Beliau mengulas mengenai tindakan Rafizi yang terus-menerus membuat dakwaan terhadap Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) sehingga agensi itu membuat laporan polis terhadap beliau.

Menurut Ibrahim, Rafizi sebagai seorang Ahli Parlimen pastinya tahu 'peraturan' bagaimana mahu membuat pendedahan.